

Bahagian 5

Bahan Binaan

Pertanyaan Daripada Kementerian Kewangan Pada Julai 2007

Bagaimanakah kuantiti dan harga bahan binaan mempengaruhi sektor pembinaan pada tahun 2006 dan separuh tahun 2007.

Penjelasan

Secara teknikalnya, faktor kualiti dan harga bahan binaan tidak mempengaruhi pertumbuhan sektor pembinaan kerana pertumbuhan sektor pembinaan berdasarkan nilai ditambah. Persaingan yang hebat menjadikan harga sebagai faktor utama dalam kejayaan membida kerja. Lazimnya, bahan binaan berkualiti rendah akan memberikan penjimatan kos kepada kontraktor dan sebaliknya. Di Malaysia, kebanyakkan bahan binaan mempunyai perakuan jaminan standard kualiti yang diiktiraf. Faktor rendahnya kualiti pembinaan tidak menjadi faktor utama yang boleh menjejaskan pertumbuhan sektor pembinaan.

Dalam banyak kes, kenaikan harga bahan binaan boleh menjejaskan pelaksanaan projek. Umpamanya kenaikan harga besi keluli di akhir tahun 2006 dan tahun 2007 telah menjejaskan keupayaan kontraktor menyempurnakan kerja pembinaan. Terdapat kontraktor yang merungut mengalami hakisan margin sehingga tidak sanggup menerima kontrak kerja yang ditawarkan. Tidak kurang yang menghadapi masalah kewangan sehingga mengakibatkan kelewatan dalam menyiapkan kerja. Jika keadaan ini berlaku, produktiviti akan menurun dan menjejaskan kelancaran pelaksanaan yang boleh menjejaskan pertumbuhan sektor pembinaan.

Pertanyaan Daripada Oxford Business Group Ink Pada Ogos 2007

Bagaimana industri pembinaan menghadapi cabaran mendapatkan bekalan di dalam keadaan kekurangan bekalan bahan binaan semasa?

Penjelasan

Kekurangan bekalan bahan binaan adalah bersifat bermusim disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi melaksanakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke 9. Kekurangan bahan binaan timbul disebabkan oleh permintaan serentak bahan binaan oleh kontraktor. Industri pembinaan dapat menangani situasi ini dengan baik di mana penyesuaian hendaklah dibuat bagi menghadapi kelewatan penerimaan bahan binaan di tapak pembinaan. Ini termasuklah bekalan simen dan besi. Walaubagaimanapun, kapasiti pengeluaran sedia ada adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan semasa. Bagi simen dan besi, penggunaannya hanya kira-kira 50% - 60% daripada kapasiti pengeluaran sedia ada.

Dalam jangkaan akan berlaku kekurangan bermusim bekalan, industri menanganinya dengan mengimport dan pihak pengilang pula meningkatkan stok dalam memenuhi peningkatan permintaan.

Walaubagaimanapun, dalam situasi tertentu, tindakan Kerajaan adalah perlu bagi mengekang manipulasi pasaran yang mungkin dilakukan oleh pengilang atau pengedar.

Pertanyaan Daripada Oxford Business Group Ink Pada Ogos 2007

Apakah pandangan anda mengenai peralihan penetapan harga kawalan simen dari mekanisma sedia ada kepada Mekanisma Harga Automatik (APM)?

Penjelasan

Simen dan besi adalah bahan binaan yang dikawal harganya. Isu semasa yang dihadapi adalah menetapkan harga yang bersesuaian sebagai harga kawalan.

Bagi bahan harga terkawal, harga transaksi tidak dibenarkan melebihi harga siling yang ditetapkan. Tidak seperti bahan yang tidak dikawal harganya, harga bahan tersebut ditentukan oleh kuasa pasaran dan juga kos pengeluaran yang menjadi asas kepada pengeluar serta pengedar untuk menaikkan atau menurunkan harga jualan.

Memandangkan bahan harga terkawal tidak dipengaruhi oleh kuasa pasaran dan pengeluar, pengedar dan agen tidak dibenarkan untuk menaik atau menurunkan harganya. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu sentiasa mengkaji semula harga siling semasa. Walau apa pun mekanisma digunakan, sama ada APM atau lain-lain terminologi, kajian semula harga perlu mengambil kira kos pengeluaran dan pengedaran bagi bahan yang berkenaan. Bagi bahan binaan yang tidak dikawal harganya, sebarang peningkatan kos pengeluaran dan pengedaran, pengilang atau pengedar tentunya akan menaikkan harga jualan.

Dengan adanya harga kawalan, ini akan dapat mengelakkan manipulasi harga oleh pengeluar bagi menampung peningkatan kos pengeluaran. Mekanisma kajian semula harga hendaklah menggunakan kaedah yang sama bagi mana-mana bahan terkawal harga termasuklah simen dan besi.

Pertanyaan Daripada Oxford Business Group Ink Pada Ogos 2007

Adakah anda menjangkakan konsep Mekanisma Harga Automatik (APM) akan turut dilaksanakan bagi besi bulat?

Penjelasan

Kerajaan telah pun membuat keputusan akan menggunakan kaedah APM bagi menetapkan harga siling besi bulat selepas bulan Julai 2007. Pelaksanaan APM ini sebagai langkah alternatif kepada kaedah penetapan harga siling sedia ada yang dianggap kurang berasimilasi dengan perubahan pantas kos pengeluaran. Harga siling di bawah APM akan diselaraskan setiap tiga (3) bulan dan dijangkakan akan dapat disesuaikan antara perubahan kos pengeluaran dengan harga pasaran semasa.

Pertanyaan Daripada Oxford Business Group Ink Pada Ogos 2007

Adakah anda menjangkakan pemansuhan sekatan import besi dan simen berikutan turun naik harga kedua-dua bahan binaan utama tersebut?

Penjelasan

Pada masa sekarang, tiada sekatan import ke atas besi dan simen tetapi disyaratkan memperolehi permit import (AP) kecuali bagi import simen ke Semenanjung Malaysia. Kelulusan pengeluaran AP telah dipermudahkan oleh MITI kepada mana-mana pihak yang berminat tanpa had. Pengeluaran AP bergantung kepada tahap kekurangan di pasaran domestik. Pemansuhan sekatan import dilakukan secara berperingkat di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Serantau (AFTA), Perjanjian Perdagangan Bebas Dua hala (FTA) dan Perjanjian Bebas Dunia (WTO) di laksanakan sepenuhnya. Matlamat akhir pemansuhan ini akan berlaku apabila dasar liberalisasi dilaksanakan sepenuhnya. Kerajaan dijangkakan tidak akan memansuhkan syarat AP import ke atas bahan tersebut dalam tempoh terdekat.

Pertanyaan Daripada Radio Televisyen Malaysia Pada Ogos 2007

Bagaimana CIDB melihat pelaksanaan projek di bawah koridor pembangunan ekonomi wilayah seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (North Corridor Economic Region - NCER) dapat dilaksanakan dalam keadaan kekurangan bahan mentah dan tenaga buruh binaan?

Penjelasan

Isu bekalan bahan mentah dan tenaga kerja lebih merupakan isu bermusim disebabkan pelaksanaan projek yang serentak. Kerajaan sudah pasti akan mengambil langkah sewajarnya supaya pelaksanaan projek-projek berimpak besar ini tidak menghadapi masalah bekalan bahan binaan dan pekerja. Dari pemerhatian CIDB, isu bekalan bahan binaan lebih berpunca dari kejutan kenaikan harga bukannya disebabkan kekurangan kapasiti bekalan. Peningkatan kos pengeluaran dan permintaan tinggi akan melonjak kenaikan harga sesetengah bahan. Bahan binaan utama seperti simen dan keluli merupakan produk yang dikawal harga dan kenaikan harga bahan-bahan ini sentiasa di pantau. Kebiasaannya pasaran pantas bertindak balas mengimbangi kenaikan harga bahan agar tidak menjejaskan kelancaran pembangunan.

Berhubung dengan tenaga kerja, sektor pembinaan pada masa ini sememangnya masih bergantung kepada khidmat pekerja binaan asing memandangkan rakyat tempatan kurang berminat menceburi sektor ini kerana mempunyai pilihan luas kerjaya yang lebih selesa di sektor lain. Dasar pengambilan pekerja binaan asing ketika ini didapati lebih fleksibel dan kebolehdapatan ramai pekerja binaan asing dengan mudah dari negara jiran terdekat dijangkakan tidak akan menjejaskan pelaksanaan pembangunan di WPI dan NCER.

CIDB sedang giat mempromosikan sistem binaan berindustri (IBS) sebagai langkah mengurangkan penggunaan tenaga buruh dan kebergantungan kepada pekerja asing. CIDB akan terus berusaha melatih lebih ramai tenaga kerja tempatan meliputi pelbagai tred kemahiran. Sehingga kini, seramai 83,837 orang dikalangan pekerja binaan dan juga belia lepasan sekolah telah berjaya dilatih oleh CIDB. CIDB mempunyai enam (6) Akademi Binaan Malaysia (ABM) dengan keupayaan melahirkan seramai 19,000 orang pelatih setiap tahun. Dalam tahun 2007, CIDB telah memperuntukkan sebanyak RM32.11 juta untuk melatih seramai 14,200 orang pelatih.

Pertanyaan Daripada Kementerian Kerja Raya Pada November 2007

Apakah unjuran keperluan bekalan bahan binaan bagi sektor pembinaan sehingga tahun 2010?

Penjelasan

Nilai kerja pembinaan yang akan disediakan sehingga tahun 2010 dianggarkan sebanyak RM57.00 bilion setahun. Berdasarkan unjuran ini, penggunaan bahan binaan utama seperti simen, besi bulat, agregat dan pasir dianggarkan mencukupi menampung permintaan dalam tempoh tersebut. Penggunaan purata simen yang dianggarkan adalah sebanyak 16 juta tan setahun berbanding kapasiti pengeluaran simen sebanyak 28.30 juta tan setahun. Penggunaan sebanyak ini adalah sekitar 56% dari tahap kapasiti pengeluaran sedia ada. Sementara bagi besi bulat pula, penggunaan tahunan yang dianggarkan bagi tempoh berkenaan adalah sekitar 2 juta tan setahun berbanding kapasiti pengeluaran besi bulat sebanyak 3.7 juta tan setahun. Penggunaan ini merupakan 54% dari tahap kapasiti pengeluaran sedia ada. Bagi pasir pula, penggunaan dianggarkan sebanyak 128 juta tan setahun berbanding sumber pengeluaran sedia ada sebanyak 370 juta tan tidak termasuk pasir lombong dan laut. Sementara itu, penggunaan dianggarkan bagi agregat pula adalah sebanyak 116 juta tan setahun. Penggunaan ini adalah mencukupi berbanding deposit bahan ini iaitu 980 juta tan.

Bahan-bahan binaan lain dijangkakan tidak mengalami kekurangan bekalan kerana kebanyakan bahan-bahan lain merupakan produk pengilangan yang dapat disesuaikan dengan permintaan semasa kecuali bagi bata merah/tanah liat yang didapati pengeluarannya terhad. Walaubagaimanapun, kekurangan bata merah boleh diatasi dengan bata konkrit/pasir. Sungguhpun begitu, permintaan bermusim, kenaikan harga dan masalah pengangkutan boleh menjejaskan bekalan di pasaran.

Jadual 31 : Anggaran Permintaan dan Pengeluaran Bahan Binaan Utama bagi Tempoh 2008 - 2010

Bahan Binaan Utama	Anggaran Permintaan (juta tan)	Kapasiti Pengeluaran (juta tan)
Simen	16	28.3
Besi Bulat	2	3.7
Agregat	128	370
Pasir	64	980

Pertanyaan Daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia Pada Februari 2008

Adakah terdapat sebarang kenaikan atau perubahan harga melanda bahan mentah pembinaan akhir-akhir ini?

Penjelasan

Sememangnya terdapat kenaikan atau perubahan harga bahan-bahan mentah pembinaan sejak akhir-akhir ini khasnya besi lusuh, billet, tembaga dan amnya kepada kebanyakan bahan binaan lain.

1) Billet

Kenaikan harga billet disebabkan kenaikan harga besi lusuh yang merupakan bahan mentah menghasilkan billet.

Billet pula akan menjadi bahan mentah untuk menghasilkan besi bulat. Kenaikan harga besi lusuh dan billet menyebabkan harga besi bulat meningkat melebihi harga siling kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Ini mendorong Kerajaan mengkaji semula harga siling kawalan kerana isu yang sering dibangkitkan oleh industri. Harga siling kawalan telah dikaji semula dua kali dalam tahun 2007 iaitu pada bulan April dengan kenaikan sebanyak 20% daripada RM1,531.00 – RM1,675.00 per tan kepada RM1,837 – RM2,010.00 per tan dan pada bulan Jun 2007 dengan kenaikan sebanyak 8% daripada RM 1,837.00 – RM2,010.00 per tan kepada RM1,987.00 – RM2,160.00 per tan.

Bekalan besi lusuh tempatan hanya dapat memenuhi 30% dari keperluan dan baki 70% lagi diimport. Besi lusuh tempatan berkualiti rendah berbanding besi lusuh import dalam menghasilkan besi bulat. Oleh itu kebanyakan besi lusuh import telah digunakan untuk menghasilkan besi bulat. Kos besi lusuh merupakan hampir 60% kos pengeluaran besi bulat. Harga besi lusuh import ditentukan oleh pasaran antarabangsa. Data harga besi lusuh import boleh dirujuk kepada TEX Report yang berasaskan harga belian oleh Jepun dan Korea Selatan.

Berdasarkan TEX Report, didapati harga besi lusuh import telah meningkat sebanyak 7.8% pada tahun 2006 dibandingkan tahun 2005. Pada bulan Oktober 2007 harganya meningkat kepada USD 353.75 (RM1,852.16) per tan. Ini merupakan kenaikan purata sebanyak 40.1% berbanding harga tahun 2005. Sementara itu kenaikan harga siling kawalan besi bulat bagi tempuh yang sama hanya RM470.00 per tan (kenaikan purata 28%). Keadaan ini menunjukkan terdapat ketidakseimbangan kenaikan harga besi lusuh dengan kenaikan harga siling kawalan besi bulat.

2) Tembaga

Tembaga merupakan bahan mentah yang digunakan di dalam pembuatan komponen peralatan mekanikal dan elektrik (M & E) dalam pembinaan. Komponen M & E yang menggunakan tembaga sebagai bahan utama adalah kabel tembaga, switchgear, transformer, generator, sistem perlindungan kilat dan sistem pbumian. (lighting protection system and earthing system).

Harga tembaga mula meningkat melebihi 300% pada suku tahun terakhir 2003. Pada tahun 2003, harga tembaga di London Metal Exchange (LME) berada di antara USD 1,500.00 hingga USD 1,800.00 per tan berbanding harga pada 2005 sebanyak USD 4,900.00. Pada bulan Mei

dan suku tahun ketiga 2006, harga tembaga di LME melambung sehingga USD 9,000.00 per tan berbanding harga sebelumnya sebanyak USD 1,800.00 per tan pada tahun 2003. Pada suku tahun pertama 2007, harganya mula menurun kepada USD 8,000.00 per tan dan seterusnya USD 6,250.00 per tan pada bulan Disember 2007. Pada bulan Februari 2008, harganya meningkat semula kepada USD 7,300.00 per tan. Tren harga tembaga yang tidak stabil ini membimbangkan kontraktor mekanikal dan elektrik.

Kesan kenaikan harga tembaga telah meningkatkan harga kabel tembaga, switchger dan komponen-komponen lain yang dinyatakan tadi. Memandangkan penggunaan kabel tembaga dalam projek adalah melebihi setengah komponen yang digunakan dalam kerja-kerja M & E, kenaikan harga tembaga memberikan impak yang besar.

Impak kenaikan harga tembaga kepada harga komponen M & E adalah seperti berikut:-

Harga Bahan Dari Bulan September 2003 hingga April 2004

1) Kabel	Meningkat 70%– 80%
2) Conduit Pipe	Meningkat 40% – 50%
3) Metal Trunking & Cable Tray	Meningkat 50% – 60%
4 Switchboard	Meningkat 30% – 40%
5) Copper Bar & Copper Strip	Meningkat 40% – 50%
6) PVC Pipe	Meningkat 50% – 60%.

Bahan Mentah Untuk Bahan-bahan Binaan Lain

Secara keseluruhan, harga bahan binaan menunjukkan peningkatan disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran termasuk harga bahan mentah pembinaan, tarif elektrik, kos bahan api, bayaran perkhidmatan pengangkutan dan upah.

Kenaikan harga bahan boleh dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:-

- (i) Kenaikan Melebihi 30%
Ini melibatkan besi bulat (lebih kurang 35%)
- (ii) Kenaikan 10% - 30%
Ini melibatkan :
 - Konkrit siap bancuh (lebih kurang 10%)
 - Agrigat (lebih kurang 15%)
 - Batu bata dan dinding sesekat (lebih kurang 15%)
 - Bahan atap (lebih kurang 15%)
 - Paip (lebih kurang 15%)
 - Cat (lebih kurang 15%)
 - Seksyen logam (lebih kurang 15%)
 - Pasir (lebih kurang 20%)

(iii) Kenaikan 5% - 10%

Bahan lantai dan kemasan dinding (lebih kurang 5%)

Peralatan sanitari (lebih kurang 5%)

Bahan 'glazing' (lebih kurang 5%)

Pertanyaan Daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia Pada Februari 2008

Adakah sektor pembinaan terjejas teruk berikutan kenaikan berterusan harga bahan binaan?

Penjelasan

Kenaikan berterusan harga bahan binaan sudah tentu memberi impak yang besar kepada klien dan kontraktor yang sedang melaksanakan projek. Sementara itu, pihak klien turut merasai kesan kenaikan dan memperlahankan atau mengecilkan skop pembinaan projek. Di antara bahan utama digunakan dan dikawal harga adalah simen dan besi bulat. Ketika ini didapati besi bulat mengalami kenaikan harga siling sebanyak tiga (3) kali dalam tahun 2007 menjadikan kenaikannya berjumlah 44.5% dibandingkan dengan harga siling tahun 2006. Sebaliknya harga transaksinya pula menunjukkan peningkatan sebanyak hampir 90% dari harga tahun 2006. Kenaikan mendadak harga transaksi besi bulat melebihi harga siling telah menimbulkan kebimbangan di kalangan kontrak yang sedang melaksanakan projek. Secara am, kontraktor menganggarkan setiap kenaikan harga besi bulat sebanyak 10% akan meningkatkan kos projek sebanyak 1%. Dengan kenaikan pada 44.5% harga siling atau 90% harga transaksi, kontraktor terpaksa menanggung kenaikan kos projek sebanyak 4.45% atau 9% berbanding keuntungan purata sebanyak 7% - 12%. Pemantauan CIDB mendapati hampir kesemua bahan binaan lain mengalami kenaikan harga pada tahun 2007 pada kadar purata 12%. Kenaikan bahan binaan lain sebanyak 12% ini mengakibatkan kenaikan kos projek sebanyak lebih kurang 6%. Jika dicampur dengan kenaikan harga besi bulat sebanyak 9% (harga transaksi), jumlah keseluruhan kenaikan kos projek dianggarkan sebanyak lebih kurang 15%. Sekiranya keuntungan kontraktor sebanyak 12%, maka dengan kenaikan bahan binaan seperti yang dinyatakan di atas mengakibatkan keuntungan kontraktor terhakis. Pihak industri telah mengemukakan rungutan mengenai harga besi bulat yang tinggi dan menyatakan terdapat beberapa projek Kerajaan yang terjejas akibat ketidakupayaan kontraktor menanggung kenaikan harga.

Pertanyaan Daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia Pada Februari 2008

Adakah Kerajaan mengawal harga mana-mana bahan mentah pembinaan?

Penjelasan

Terdapat pelbagai bahan binaan di pasaran. Dari pelbagai bahan binaan, terdapat 3 bahan mentah yang dikawal harganya oleh Kerajaan iaitu:

1. **Besi bulat (rebar)** yang digunakan sebagai salah satu bahan mentah untuk membuat komponen IBS atau produk pasang siap seperti tiang konkrit, rasuk seperti I-beam dan T-beam, longkang U (covered) dan sebagainya. (Rujuk jadual 34.1 untuk harga besi keluli mengikut saiz)

2. **Simen** merupakan salah satu bahan mentah bagi membuat konkrit siap bancuh dan juga komponen IBS atau produk pasang siap.
3. **Billet** merupakan bahan utama untuk menghasilkan besi bulat dan lain-lain produk besi.

Jadual 34.1 - Harga Siling Besi Bulat

Semenanjung Malaysia	Harga Siling Mulai 16 April 2007 (RM/mt)	Harga Siling Mulai 9 Jun 2007 (RM/mt)	% Kenaikan	Harga Siling Mulai 1 Disember 2007 (RM/mt)
Mild Steel Round Bar				
10 mm	RM1,962	RM2,112	12	RM2,365
12 mm	RM1,918	RM2,068	12	RM2,316
16 mm	RM1,837	RM1,987	12	RM2,225
25 mm	RM1,837	RM1,987	12	RM2,225
28 mm	RM1,837	RM1,987	12	RM2,225
32 mm	RM1,837	RM1,987	12	RM2,225
High Tensile Deformed Bar				
10 mm	RM2,010	RM2,160	12	RM2,419
12 mm	RM1,962	RM2,112	12	RM2,365
16 mm	RM1,884	RM2,034	12	RM2,278
25 mm	RM1,884	RM2,034	12	RM2,278
28 mm	RM1,884	RM2,034	12	RM2,278
32 mm	RM1,884	RM2,034	12	RM2,278
40 mm	RM1,962	RM2,112	12	RM2,365

Nota : Tambahan RM50/mt untuk di Sabah dan Sarawak

Sumber : KPDNHEP

Jadual 34.2 : Harga Siling Billet

Bahan Mentah	Harga Kawalan	
	Semenanjung (per tan)	Sabah & Sarawak (per tan)
Billet Low Carbon	RM1,553 – 1,589	RM1,957 – 1,998
Billet Mild Steel	RM1,907 – 1,948	RM1,963 – 2,004
Billet High Tensile	RM1,928 – 1,968	RM1,984 – 2,024
Billet High Tensile (dengan vanadium)	RM1,995 – 2,035	RM2,051 – 2,091

Sumber : KPDNHEP

Jadual 34.3 : Harga Siling Simen

Wilayah		Simen Bulk (per tan)	Simen Beg (per beg)
Semenanjung	Utara	RM217	RM10.85
	Tengah	RM219	RM10.95
	Selatan	RM224	RM11.20
	Timur	RM230	RM11.50
Sabah	Barat	RM309	RM15.45
	Timur 1	RM315	RM15.75
	Timur 2	RM325	RM16.25
Sarawak	Wilayah 1	RM275	RM13.75
	Wilayah 2	RM297	RM14.85
	Wilayah 3	RM330	RM16.50
	Wilayah 4	RM286	RM14.30
	Wilayah 5	RM319	RM15.95
	Wilayah 6	RM343	RM17.15
	Wilayah 7	RM308	RM15.40
	Wilayah 8	RM352	RM17.60
	Wilayah 9	RM281	RM14.05

Sumber : KPDNHEP

Pertanyaan Daripada Pejabat Perdana Menteri Malaysia Pada Februari 2008

Adakah pembekalan secara kartel mengganggu mana-mana harga kawalan yang ditetapkan oleh Kerajaan?

Penjelasan

Simen dan besi bulat merupakan barang yang dikawal harga dan dilindungi dengan tarif / duti import yang tinggi serta syarat keperluan Permit Import dan eksport (AP). Kedua-dua produk ini berada di dalam industri berintensif modal tinggi dan risiko menghadapi saingan hebat dari pengeluaran global. Secara amnya, pasaran domestik kedua-dua industri lebih bersifat oligopoli, di mana terdapat sebilangan kecil pengeluar meneraju industri (Rujuk Jadual 35.1 dan Jadual 35.2) yang boleh mempengaruhi bekalan dan harga. Dalam kes bahan simen dan besi bulat, pengguna berpendapat berlaku kegiatan kartel dalam menentukan harga. Tinjauan CIDB bagi pasaran kedua-dua bahan tersebut mendapati, peranan kegiatan kartel untuk mempengaruhi harga adalah rendah.

Umpamanya, harga siling simen dapat bertahan selama 11 tahun sebelum Kerajaan menaikkan harga siling baru sebanyak 10% pada bulan Disember 2006. Begitu juga dengan harga siling besi yang dapat bertahan selama 3 tahun sebelum diluluskan kenaikan baru yang pertama pada bulan April 2007 sebanyak 20%. Harga besi lusuh (scrap iron) iaitu bahan mentah membuat besi bulat didapati meningkat sebanyak 40.1% dari bulan Januari 2005 sehingga Oktober 2007 berbanding dengan kenaikan harga besi bulat sebanyak 51.6% dalam tempoh yang sama (Rujuk Jadual 35.3). CIDB tidak mempunyai bukti nyata atau asas yang kukuh untuk menyatakan berlaku kegiatan negatif kartel dalam bekalan kedua bahan tersebut. Sebaliknya, kenaikan harga berlaku akibat lonjakan tinggi kos bahan mentah, bahan api, pengangkutan dan permintaan bermusim iaitu permintaan tinggi pada satu-satu masa berikutan projek RMK-9 rancak yang dilaksanakan. Di dalam keadaan permintaan tinggi, kebiasaannya akan berlaku tawar menawar harga tinggi bagi memastikan bekalan diperolehi dalam tempoh yang dikehendaki / segera.

Jadual 35.1 : Kapasiti Pengilang Besi

Jenis Kilang	Bilangan Kilang	Kapasiti(tan)		
		Billet	Besi Bulat	% Bahagian Besi Bulat
Kilang Bersepadu	9	5,250,000	2,470,000	66.4%
Kilang Rolling	19*	-	1,250,000	33.6%
Jumlah	28	5,250,000	3,720,000	-

Sumber : MISIF

Nota : * Tidak semua rerollers beroperasi

Jadual 35.2 : Kapasiti Pengeluaran Simen OPC

Jenis Kilang	Bilangan Kilang	Kapasiti(tan) ('000 tan)		
		Klinker	Simen	% Bahagian Besi Bulat
Kilang Bersepadu	9	17,500	24,050	86.2%
Kilang Grinding	4	-	3,850	13.8%
Kilang Klinker	1	600	-	-
Jumlah	14	18,100	27,900	100%

Sumber : tasekcement.com.my

Laman web syarikat berkenaan

Carta 35 : Tren Harga Besi Lusuh Antarabangsa (No.1HMS)
 Januari 2005 – Oktober 2007

